

**PERLEMBAGAAN**

**JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP)**  
**INSTITUT PENDIDIKAN GURU**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**





**PERLEMBAGAAN  
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR  
(JPP)  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Edisi 2017

Diterbitkan oleh:



**PUSAT HAL EHWAL PELAJAR  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

# ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
<b>BAHAGIAN I</b>		
Fasal 1	Nama	1
Fasal 2	Bahasa Rasmi	1
Fasal 3	Alamat	1
<b>BAHAGIAN II</b>		
Fasal 4	Cogan Kata JPP	2
Fasal 5	Logo JPP	2
Fasal 6	Visi	3
Fasal 7	Misi	3
Fasal 8	Objektif JPP	3
<b>BAHAGIAN III</b>		
Fasal 9	Keahlian	4
Fasal 10	Tanggungjawab Ahli	4
Fasal 11	Hak Keahlian	4
<b>BAHAGIAN IV</b>		
Fasal 12	Organisasi JPP	5
Fasal 13	Perjawatan	6
Fasal 14	Peletakan dan Pelucutan Jawatan	6
Fasal 15	Kekosongan Jawatan	7
<b>BAHAGIAN V</b>		
Fasal 16	Bidang Tugas Umum	7
	16.1 JPP	7
	16.2 Ahli Majlis Tertinggi	7
	16.3 Ahli Majlis Mesyuarat	8
Fasal 17	Bidang Tugas Khusus	9
	17.1 Ahli Jawatankuasa Tertinggi	9

a)	Yang Dipertua	9
b)	Naib Yang Dipertua I dan II	9
c)	Setiausaha Agung Kehormat dan Naib Setiausaha Agung Kehormat	9
d)	Bendahari Agung Kehormat dan Naib Bendahari Agung Kehormat	10
e)	Ahli Majlis Meyuarat	10

#### ***BAHAGIAN VI***

Fasal 18	Majlis Penasihat	11
----------	------------------	----

#### ***BAHAGIAN VII***

Fasal 19	Kewangan	11
Fasal 20	Tahun Kewangan	12
Fasal 21	Juru Audit	12

#### ***BAHAGIAN VIII***

Fasal 22	Pilihan Raya	12
Fasal 23	Bentuk Pilihan Raya	12
Fasal 24	Suruhanjaya Pilihan Raya	13
Fasal 25	Tugas Am Suruhanjaya Pilihan Raya	13

#### ***BAHAGIAN IX***

Fasal 26	Pembubaran	14
----------	------------	----

#### ***BAHAGIAN X***

Fasal 27	Pindaan Perlembagaan	15
----------	----------------------	----

#### ***BAHAGIAN XI***

Fasal 28	Pertikaian Dan Kekeliruan	16
----------	---------------------------	----



**PERLEMBAGAAN  
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP)  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

***BAHAGIAN I***

***Fasal 1***

***Nama***

- 1.1 Jawatankuasa ini dikenali dengan nama **Jawatankuasa Perwakilan Pelajar** Institut Pendidikan Guru, selepas ini disebut sebagai **JPP**.

***Fasal 2***

***Bahasa Rasmi***

- 2.1 Bahasa Melayu

***Fasal 3***

***Alamat***

- 3.1 Jawatankuasa Perwakilan Pelajar  
d/a Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Institut Pendidikan Guru Kampus.....  
(Alamat IPG Kampus)

## **BAHAGIAN II**

### **Fasal 4** **Cogan Kata JPP**

#### 4.1 “Satu Visi Satu Aspirasi”

### **Fasal 5**

#### 5.1 Logo JPP



#### 5.2 Keterangan logo adalah seperti berikut:

- (a) JPP  
Jawatankuasa Perwakilan Pelajar IPG.
- (b) Warna Biru  
Kesepaduan yang utuh dalam kalangan JPP.
- (c) Warna Putih  
Keikhlasan dan kesungguhan ahli JPP dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan.
- (d) Bentuk Bujur
  - i. Gerak kerja JPP yang holistik meliputi keseimbangan dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, sosial, kebajikan, etika dan profesionalisme sebagai pelajar di IPG.
  - ii. JPP mengamalkan budaya kerja berpasukan.

## ***Fasal 6***

### ***Visi***

- 6.1 JPP peneraju kepimpinan pelajar berkualiti.

## ***Fasal 7***

### ***Misi***

- 7.1 Menyokong pihak IPG melahirkan guru berintegriti, berkarisma dan kompeten selaras dengan aspirasi IPG.

## ***Fasal 8***

### ***Objektif JPP***

- 8.1 Objektif JPP adalah seperti ketentuan berikut:
- (a) Memberi pengalaman kepada pelajar memilih pemimpin melalui proses Pilihan Raya kampus.
  - (b) Mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan pengurusan organisasi dan kepimpinan.
  - (c) Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan pengembangan dan kebajikan pelajar.
  - (d) Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.
  - (e) Membantu pihak pengurusan melaksanakan aktiviti IPG.
  - (f) Mewujudkan hubungan dengan agensi dalam dan luar Kementerian Pendidikan Malaysia.
  - (g) Mewujudkan hubungan dengan agensi luar negara.

## **BAHAGIAN III**

### ***Fasal 9*** ***Keahlian***

- 9.1 Pelajar yang dipilih melalui Pilihan Raya dan dilantik menganggotai Ahli Majlis Tertinggi (AMT) dan Ahli Majlis Mesyuarat (AMM).

### ***Fasal 10*** ***Tanggungjawab Ahli***

- 10.1 Setiap ahli mestilah patuh kepada Perlembagaan JPP dan berpegang teguh kepada dasar dan objektifnya.
- 10.2 Menghormati dan mematuhi Akta 174, Peraturan Pelajar IPG dan Perlembagaan JPP.
- 10.3 Tidak dibenarkan menganggotai dan melibatkan diri secara rasmi dengan pertubuhan politik atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang di dalam atau di luar negara.
- 10.4 Setiap ahli mestilah berusaha untuk melaksana dan mencapai objektif JPP.
- 10.5 Menunjukkan imej yang positif dan tidak mencemar nama baik JPP dan IPG.

### ***Fasal 11*** ***Hak Keahlian***

- 11.1 Semua ahli berhak menggunakan kemudahan, perkhidmatan dan peralatan yang disediakan oleh pihak JPP dengan mematuhi peraturannya.
- 11.2 AMT berhak untuk tidak membenarkan penggunaan kemudahan, perkhidmatan dan peralatan atas alasan yang difikirkan munasabah bergantung kepada budi bicara AMT.
- 11.3 Semua ahli berhak mengikuti aktiviti JPP tanpa sebarang halangan kecuali telah ada sabitan yang dikeluarkan oleh AMT.
- 11.4 Semua ahli berhak mengetahui perkembangan dan perubahan dalam struktur organisasi serta pergerakan JPP.
- 11.5 Semua ahli berhak menyuarakan pandangan kepada JPP atau kepada pihak ketiga melalui JPP dengan menggunakan saluran yang beretika.

## **BAHAGIAN IV**

### **Fasal 12**

#### **Organisasi JPP**

12.1 Organisasi JPP dikendalikan oleh AMT dan AMM.

12.2 Ahli Majlis Tertinggi (AMT):

- i. Yang Dipertua
- ii. Naib Yang Dipertua I
- iii. Naib Yang Dipertua II
- iv. Setiausaha
- v. Naib Setiausaha
- vi. Bendahari
- vii. Naib Bendahari

12.3 Ahli Majlis Mesyuarat (AMM):

- i. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Perhubungan Domestik & Antarabangsa
- ii. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Akademik
- iii. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Kediaman Pelajar
- iv. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Kebajikan dan Sosial
- v. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Kerohanian, Moral dan Disiplin
- vi. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Kebudayaan dan Kesenian
- vii. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Teknologi Maklumat dan Penerbitan
- viii. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Sukan & Rekreasi
- ix. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Hal Ehwal Wanita (Helwani)

- x. Pengerusi dan Naib Pengerusi  
Biro Keusahawanan

#### 12.4 Jawatankuasa Biro

Setiap biro terdiri daripada ahli berikut:

- i. Pengerusi (dilantik melalui Pilihan Raya)
- ii. Naib Pengerusi (dilantik melalui Pilihan Raya)
- iii. Setiausaha (dipilih oleh Pengerusi Biro)
- iv. Empat orang Ahli Jawatankuasa Biro (dipilih oleh Pengerusi Biro)

### ***Fasal 13***

#### ***Perjawatan***

#### 13.1 Ahli Majlis

13.2 Pemilihan AMT dan AMM dilakukan melalui **Pilihan Raya** yang diadakan setiap satu ( 1 ) tahun dalam tempoh 30 hari selepas pembubaran JPP.

13.3 Jawatan dalam AMT diputuskan melalui mesyuarat struktur organisasi JPP yang dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Penasihat JPP.

13.4 Jawatan dalam AMM diputuskan melalui mesyuarat AMT.

### ***Fasal 14***

#### ***Peletakan dan Pelucutan Jawatan***

#### 14.1 Peletakan Jawatan

14.1.1 Sebarang permohonan peletakan jawatan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Majlis Penasihat JPP berserta dengan alasan munasabah.

14.1.2 Pengesahan peletakan jawatan diputuskan oleh Majlis Penasihat JPP.

#### 14.2 Pelucutan Jawatan

14.2.1 Dibuang daripada mengikuti pengajian di IPG.

14.2.2 Menarik diri daripada mengikuti pengajian di IPG.

14.2.3 Berpindah pusat pengajian.

14.2.4 Tidak berada di IPG selama 6 bulan berturut-turut sama ada melanjutkan pelajaran ke luar negara atau sakit yang berpanjangan atau menangguhkan pengajian.

14.2.5 Pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta 174.

14.2.6 Tidak dapat memberi komitmen kepada organisasi JPP.

14.2.7 Tidak menghadiri tiga(3) kali berturut-turut mesyuarat Jawatankuasa tanpa kebenaran

### ***Fasal 15***

#### ***Kekosongan Jawatan***

- 15.1 Jika kekosongan jawatan berlaku dalam AMT atau AMM dalam jangkamasa enam bulan selepas pemilihan maka pemilihan baharu boleh dilaksanakan.
- 15.2 Jika kekosongan jawatan berlaku dalam AMT atau AMM, pelantikan baharu akan diputuskan melalui mesyuarat Majlis Penasihat JPP dan tempoh perjawatannya adalah sehingga tamat sesi pentadbiran tersebut.

## ***BAHAGIAN V***

### ***Fasal 16***

#### ***Bidang Tugas Umum***

#### **16.1 Jawatankuasa Perwakilan Pelajar**

16.1.1 Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

16.1.2 Kehadiran ahli mesyuarat mestilah sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada jumlah ahli.

#### **16.2 Ahli Majlis Tertinggi**

16.2.1 Fungsi AMT ialah mengelola, mengatur hala tuju dan gerak kerja, serta membuat keputusan atas perkara-perkara tentang perjalanan JPP mengikut Perlembagaan JPP. AMT juga hendaklah mengemukakan laporan setiap aktiviti yang dijalankan kepada

Pengerusi Majlis Penasihat JPP atau wakilnya dalam masa 7 hari berkerja.

16.2.2 AMT hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Sekurang-kurangnya lima daripada bilangan AMT hendaklah hadir bagi mengesahkan dan memenuhi korum mesyuarat.

16.2.3 Sekiranya timbul perkara mustahak yang memerlukan kelulusan AMT tetapi mesyuarat AMT tidak dapat diadakan, maka Setiausaha boleh mendapatkan kelulusan daripada AMT secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan AMT boleh dianggap sebagai diterima:

- i. Masalah yang dibangkitkan itu mestilah diperincikan dengan terang dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada semua AMT.
- ii. Sekurang-kurangnya lima daripada bilangan AMT mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu.
- iii. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat AMT berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam minit mesyuarat.

16.2.3 AMT boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan AMM atau ahli yang lain untuk menjalankan urusan JPP dengan melantik Pengerusi/Pengarah Aktiviti dan jawatankuasa yang dirasakan mustahak. AMT juga boleh menggantung dan melucutkan jawatan sebarang Pengerusi/Pengarah Aktiviti atau jawatankuasa kerana tidak amanah dalam tugas atau dengan sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan JPP.

16.2.4 AMT berkuasa membatalkan sesuatu aktiviti anjuran pelajar yang bercanggah dengan dasar dan perlembagaan JPP.

16.2.5 AMT berkuasa membatalkan sesuatu keputusan mesyuarat yang diadakan oleh AMM jika dirasakan perlu.

### **16.3 Ahli Majlis Mesyuarat**

16.3.1 Mengeluarkan arahan atau kenyataan umum bagi pihak JPP.

16.3.2 Membincangkan dan merancang aktiviti JPP berdasarkan peruntukan dalam perlembagaan serta bersesuaian dengan dasar JPP.

16.3.3 AMM hendaklah mengendalikan mesyuarat Biro sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

16.3.4 Mesyuarat Biro hendaklah dihadiri sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada ahli jawatankuasa.

## **Fasal 17**

### **Bidang Tugas Khusus**

#### 17.1 Ahli Jawatankuasa Tertinggi

##### 17.1.1 Yang Dipertua

- i. Mempengerusikan mesyuarat AMT dan mesyuarat AMM

##### 17.1.2 Naib Yang Dipertua I dan II

- i. Menjalankan tugas YDP ketika ketiadaan YDP
- ii. Menjaga kebajikan semua ahli JPP
- iii. Bertindak sebagai penghubung dengan JPP IPG lain
  
- iv. Menjadi perantara JPP dengan ketua-ketua kumpulan bagi setiap unit pengajian.
- v. Mengawasi perjalanan aktiviti setiap Biro dan aktiviti institut
- vi. Menerima arahan daripada YDP dan pihak pentadbiran
- vii. Mengarah dan menguruskan aktiviti yang dirancang oleh pentadbiran dan pelajar
- viii. Menjadi penghubung antara pentadbiran dengan pelajar dan sebaliknya
- ix. Memantau portfolio setiap Biro
- x. Mengurus dan menyelia bilik gerakan JPP
- xi. Memantau blog atau laman web JPP
- xii. Mengurus dan menapis borang aduan pelajar
- xiii. Membantu merancang dan mengadakan kursus berkaitan kepimpinan untuk JPP
- xiv. Sentiasa berkolaborasi dengan pihak JHEP

##### 17.1.3 Setiausaha dan Naib Setiausaha

- i. Menguruskan urusan surat menyurat
- ii. Menyediakan surat jemputan mesyuarat atas arahan YDP
- iii. Menyediakan minit mesyuarat dan laporan JPP

- iv. Menyediakan kertas kerja bagi setiap aktiviti induk JPP
- v. Menerima arahan dari YDP dan NYDP
- vi. Menyelia, mengurus papan kenyataan dan carta organisasi JPP
- vii. Menapis setiap iklan, risalah dan memo di semua papan kenyataan
- viii. Membantu merancang dan mengadakan kursus berkaitan kepimpinan untuk JPP
- ix. Menyedia dan mengurus inventori di bawah kelolaan JPP
- x. Menerima laporan daripada Biro-Biro JPP
- xi. Mengurus dan mengemaskini fail-fail berkaitan dengan JPP
- xii. Sentiasa berkolaborasi dengan Jabatan HEP

#### **17.1.4 Bendahari dan Naib Bendahari**

- i. Mengurus segala urusan berkaitan kewangan JPP
- ii. Merancang dan mengurus sumber kewangan JPP
- iii. Memantau aktiviti Biro Keusahawanan JPP
- iv. Menguruskan kewangan setiap aktiviti yang dirancang dan dijalankan oleh JPP
- v. Menyediakan laporan kewangan JPP
- vi. Memaklumkan kepada pelajar perkara yang berkaitan dengan elaun pelajar
- vii. Menerima arahan dari YDP dan NYDP
- viii. Membentangkan laporan kewangan mengikut keperluan
- ix. Menguruskan pembelian segala alatan dan keperluan yang diperlukan oleh JPP
- x. Membantu merancang dan mengadakan aktiviti berkaitan kepimpinan untuk JPP
- xi. Sentiasa berkolaborasi dengan JHEP

#### **17.1.5 Ahli Majlis Mesyuarat**

- i. Membantu menguruskan aktiviti IPG yang dirancang oleh pihak pengurusan dan pelajar
- ii. Merancang dan melaksanakan aktiviti Biro JPP
- iii. Menyediakan laporan tahunan Biro JPP

- iv. Mendokumentasikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan mengikut Biro JPP
- v. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Eksekutif, Pengerusi Majlis Penasihat, Ketua Pensyarah Penasihat, dan Penasihat

## ***BAHAGIAN VI***

### ***Fasal 18***

#### ***Majlis Penasihat***

- 18.1 Penaung:** Ketua Eksekutif
- 18.2 Pengerusi:** Timbalan Pengarah IPG
- 18.3 Ketua Pensyarah Penasihat:** Ketua Jabatan HEP
- 18.4 Setiausaha:** Ketua Unit Pengembangan dan Kepimpinan Pelajar
- 18.5 Pensyarah Penasihat:** Dilantik oleh Ketua Eksekutif (Bilangan ditentukan oleh Ketua Eksekutif)

## ***BAHAGIAN VII***

### ***Fasal 19***

#### ***Kewangan***

- 19.1 JPP tidak dibenarkan menubuhkan tabung kewangan dengan menerima atau mengutip atau mengambil sebarang jenis sumbangan atau dana dalam bentuk wang atau harta dari mana-mana sumber **kecuali** dengan kelulusan Ketua Eksekutif.

***Fasal 20***

***Tahun Kewangan***

- 20.1 Tahun kewangan dikira selepas perantikan AMT yang baharu dan berakhir selewat-lewatnya 3 hari sebelum pembubaran.

***Fasal 21***

***Juruaudit***

- 21.1 Dua orang daripada pelajar institut boleh dilantik sebagai Juruaudit oleh AMT. Para Juruaudit akan memegang jawatan tersebut selama setahun dan boleh dilantik semula.
- 21.2 Juruaudit bertanggungjawab memeriksa akaun JPP sepanjang tempoh perkhidmatannya dan membuat laporan atau pengesahan kepada Ketua Eksekutif.

***BAHAGIAN VIII***

***Fasal 22***

***Pilihan Raya***

- 22.1 Pilihan Raya JPP hendaklah diadakan dalam tempoh 30 hari selepas pembubaran dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Eksekutif.

***Fasal 23***

***Bentuk Pilihan Raya***

- 23.1 Pilihan Raya adalah berbentuk undi sulit dan terbuka kepada semua pelajar sepenuh masa IPG.

## **Fasal 24**

### ***Suruhanjaya Pilihan Raya Kampus (SPRK)***

- 24.1 SPRK adalah sebuah badan bebas dan berkecuali yang dilantik oleh Ketua Eksekutif.
- 24.2 Pensyarah dan pegawai pengurusan boleh dilantik menganggotai SPRK **kecuali** Ahli Majlis Penasihat JPP.
- 24.3 Pelajar boleh dilantik oleh pihak SPRK sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Pilihan Raya **kecuali** calon yang bertanding untuk merebut jawatan AMT dan AMM.
- 24.4 Ahli SPRK tersebut adalah terdiri daripada:
  - 24.4.1 Pengerusi Sekretariat
  - 24.4.2 Naib Pengerusi Sekretariat
  - 24.4.3 Setiausaha Sekretariat
  - 24.4.4 Ahli Jawatankuasa
- 24.5 Tugas SPRK berakhir setelah terbentuknya AMT yang baharu.
- 24.6 Pelajar yang menganggotai Jawatankuasa Kerja Pilihan Raya berhak mengundi.
- 24.7 Ahli SPRK tidak dibenarkan berkempen bagi mana-mana calon yang bertanding dalam Pilihan Raya.
- 24.8 Keputusan SPRK adalah muktamad.

## **Fasal 25**

### ***Tugas Am Suruhanjaya Pilihan Raya***

- 25.1 Menyediakan peraturan Pilihan Raya JPP.
- 25.2 Membuat pengisytiharan Pilihan Raya JPP.
- 25.3 Menyedia dan menyemak senarai daftar pemilih untuk Pilihan Raya.
- 25.4 Menyelenggarakan urusan pencalonan seperti penyediaan borang pencalonan dan memastikan prosedur pencalonan berjalan dengan betul.

- 25.5 Menyediakan peralatan dan pusat membuang undi.
- 25.6 Memantau proses penamaan calon, kempen, pengundian dan pengiraan undi.
- 25.7 Menjaga segala amanah yang diserahkan berhubung dengan Pilihan Raya.
- 25.8 Mengisytiharkan keputusan Pilihan Raya.
- 25.9 Mengemukakan laporan pelaksanaan Pilihan Raya kepada Ketua Eksekutif.

## **BAHAGIAN IX**

### ***Fasal 26***

#### ***Pembubaran***

- 26.1 Ketua Eksekutif mempunyai kuasa mutlak untuk membubarkan JPP.
- 26.2 JPP akan dibubarkan sekiranya berlaku salah satu daripada situasi berikut:
  - 26.2.1 Telah cukup tempoh satu (1) tahun pentadbiran JPP.
  - 26.2.2 Tidak cukup korum untuk membentuk AMT.
  - 26.2.3 Sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Ketua Eksekutif.
- 26.3 JPP boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada jumlah AMT dan AMM dengan kelulusan Ketua Eksekutif.
- 26.4 Sekiranya JPP hendak dibubarkan secara yang tersebut di atas, maka hendaklah diselesaikan segala hutang dan tanggungan JPP yang sah, mengikut undang-undang.
- 26.5 JPP dengan rasminya dibubarkan setelah notis pembubaran dikeluarkan oleh Ketua Eksekutif.

## **BAHAGIAN X**

### ***Fasal 27***

#### ***Pindaan Perlembagaan***

- 27.1 Sebarang pindaan boleh dilakukan dengan mengemukakan usul dan cadangan (berpandukan Akta 174) secara bertulis kepada Rektor melalui Ketua Eksekutif.
- 27.2 Keputusan Rektor adalah muktamad.

## **BAHAGIAN XI**

### ***Fasal 28***


#### ***Pertikaian Dan Kekeliruan***


Jika timbul sesuatu pertikaian atau kekeliruan tentang mana-mana Bahagian dan Fasal atau sama ada seseorang ahli atau pemegang-pemegang bagi JPP atau bagi sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP telah dipilih atau dilantik dengan sewajarnya, mengikut mana yang berkenaan, atau adalah berhak menjadi atau masih menjadi ahli atau pemegang jawatannya, maka pertikaian itu hendaklah diputuskan oleh Ketua Eksekutif mengenainya adalah muktamad.


# JPP



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

 Aras 1-3, Blok 2250  
Jalan Usahawan 1  
63000 Cyberjaya

 +603-8312 6666

 +603-8312 6655

 <http://ipgm.moe.edu.my>